



IBUPEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
ARAS 7 UTARA,
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO.3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62596 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8882 2413
Fax : 03-8889 5884
e-mel : upa@customs.gov.my
Laman Web : <http://www.customs.gov.my>



Ruj : KE.HP(91)378/12 Klt.13(39)
Tarikh : 11 Disember 2007

Ahli Mesyuarat Panel Perundingan
Kastam-Swasta

Tuan/Puan,

**GARISPANDUAN PROSEDUR IMPORT SEMULA BARANGAN YANG TELAH
DIEKSPORT DAN KEMUDIANNYA DIIMPORT SEMULA**

Saya dengan hormatnya merujuk Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil. 1/2007, Agenda 4, Muka Surat 17, Membincangkan Perkara Berbangkit, Usul Bil. 2 mengenai *Standardised Procedures for Rejected Goods* (Usul oleh FMM.)

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Garis Panduan Prosedur Import Semula Barangan Yang Telah Dieksport Dan Kemudiannya Diimport Semula yang disediakan oleh Bahagian Kastam, Ibu Pejabat KDRM untuk makluman dan perhatian Persatuan/Pertubuhan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(ISKANDAR BIN JAAFAR)

Urusetia Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 2007
Unit Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah Kastam,
Malaysia.


No. Telefon : 03-88822277/012-3641907

E-mel : iskandar@customs.gov.my

s.k.

Ketua Pengarah Kastam

Semua Timbalan Ketua Pengarah



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BAHAGIAN KASTAM, TINGKAT 4 UTARA,
BLOK 2G 1B, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEW.
PRECINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTU
62596 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03-8882 2652/
03-8882 2645
No. Fax : 03-88895881/
03-88895866

Ruj. Kami : KE.HE.(44)769 Klt.2 (38)

Tarikh : 29 November 2007

Pengurus Besar (Perdagangan)
Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang,
PJU 9, Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur.

Tuan,

Garis Panduan Prosedur Import Semula Barangan Yang Telah Dieksport Dan
Kemudiannya Diimport Semula

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas dan surat tuan bertarikh
18 Oktober 2007 adalah berkaitan.

2. satu garis panduan berhubung pengimportan semula barangan keluaran tempatan yang telah dieksport dan kemudiannya diimport semula telahpun dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia kepada semua Pejabat-Pejabat Kastam Negeri. Untuk makluman tuan juga, barangan yang telah dieksport dan kemudiannya diimport semula bermaksud barangan yang telah dieksport ke luar negara termasuk ke zon bebas yang kemudiannya diimport semula ke Kawasan Utama Kastam (KUK). Manakala barangan diimport semula untuk diproses semula (*Re-processing*) bermaksud barangan yang perlu melalui proses pengilangan semula sepenuhnya atau sebahagiannya selepas diimport semula.

3. Mekanisma yang ada bagi membolehkan barangan keluaran tempatan yang dieksport dan kemudiannya diimport semula sama ada untuk dijual atau dilupuskan di pasaran tempatan atau diproses semula boleh menuntut pengecualian seperti berikut:

3.1 Butiran 68 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 iaitu bagi barangan keluaran atau pengilangan tempatan yang dieksport dan kemudiannya diimport semula. Di antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengimport ialah:

- (i) Barangan boleh dikenalpasti dengan memuaskan Pegawai Kastam Yang Hak.
- (ii) Barangan diimport semula dalam tempoh satu tahun dari tarikh ianya dieksport.
- (iii) Tiada tuntutan tarikbalik di bawah seksyen 99 Akta Kastam 1967 dibuat semasa barangan dieksport.
- (iv) Tiada pengecualian atau remisi duti eksais telah dibenarkan semasa barangan dieksport.
- (v) Pengimport adalah dikehendaki membayar cukai jualan jika barangan tersebut dijual ke pasaran tempatan. Pada dasarnya barangan keluaran tempatan adalah tertakluk kepada Cukai Jualan jika ia dijual atau dilupuskan ke pasaran tempatan.

3.2 Butiran 69, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 dan Butiran 75, Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980 iaitu bagi barangan keluaran/pengilangan tempatan dieksport dan kemudiannya diimport semula untuk diproses semula. Di antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengimport ialah:-

- (i) Barangan boleh dikenalpasti dengan memuaskan Pegawai Kastam Yang Hak.
- (ii) Barangan diimport semula dalam tempoh satu tahun dari tarikh ianya dieksport.
- (iii) Di bawah Butiran 75, Jadual B Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980, barangan hendaklah dikembalikan kepada pengilang Berlesen yang berkenaan untuk diproses semula.

4. Untuk makluman tuan, barangan keluaran tempatan yang dieksport dan kemudiannya diimport semula adalah disebabkan '*direject*' oleh pihak luar negara atas sebab-sebab seperti berikut:

4.1.1 Kualiti yang tidak memuaskan.

4.1.2 Gagal memenuhi spesifikasi.

4.1.3 Lain-lain seperti:

- i. Barangan yang tersilap dihantar atau tidak seperti yang ditempah,
- ii. Terlebihi kuantiti,
- iii. Rosak atau cacat ketika dieksport,
- iv. Barangan yang berubah akibat dari kesan tindakbalas *chemical*, cuaca atau lain-lain yang tidak dapat dikawal.

5. Walaubagaimanapun terdapat juga barang-barang yang tidak layak menuntut pengecualian di bawah butiran di atas. Antara barangan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- 5.1 Barangan yang tertakluk di bawah Perintah Larangan kecuali dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 5.2 Barangan yang gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di para 3.1, 3.2 dan 4.

6. Dalam melaksanakan kemudahan terhadap barangan yang diimport semula ini, pengimport adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:-

- 6.1 Mengemukakan Borang Kastam No. 1 bagi pengikraran barangan yang diimport semula bersama klausa sijil pengecualian yang telah ditetapkan seperti berikut:

"Saya dengan ini mengakui bahawa barang-barang yang tersebut di atas adalah *diimport oleh/dieksport oleh/dibekalkan kepada

.....
(Nama dan alamat orang atau badan bagi siapa pengecualian dituntut) dan pengecualian dari duti kastam adalah dituntut di bawah Butiran 68/69* Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 dan dibawah butiran 75 Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980 tertakluk kepada syarat-syarat di bawahnya.

* Potong mana yang tidak berkenaan

Tandatangan

Nama.....
No. Kad Pengenalan.....
Tarikh.....
Pangkat.....

- 6.2 Mengemukakan Borang Kastam No. 2 (salinan) bagi pengeksporan terdahulu untuk barangan yang sama yang diimport semula.
- 6.3 Mengemukakan lain-lain dokumen sokongan import seperti inbois, *bill of lading* dan *packing list*.
- 6.4 Mengemukakan lain-lain dokumen sokongan bagi eksport asal seperti inbois, *packing list*, *shipping note/airway bill*, permit eksport (jika berkaitan), *certificate of origin* [(barangan berasal atau buatan Malaysia) jika ada].
- 6.5 Mengemukakan surat penolakan (*rejection letter*) bagi barangan diimport semula yang dikeluarkan oleh pihak di luar negara dengan menyatakan:
 - diskripsi barangan;
 - kuantiti;
 - alasan penolakan;
 - nombor siri, nombor enjin dan jenama, di mana berkenaan.

7. Bagi barangan yang diimport untuk diproses semula di bawah Butiran 69/75 di premis/kilang, pengimport dikehendaki memohon kelulusan stesen yang mengawal kilang berkenaan. Begitu juga bagi barangan yang hendak dimusnahkan, prosedur yang telah digariskan bagi maksud pemusnahan hendaklah dipatuhi. Manakala bagi barangan yang dituntut pengecualian di bawah Butiran 68 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, hanya duti import sahaja yang layak dikecualikan. Manakala cukai jualan dan duti eksais terlibat hendaklah dibayar (jika berkenaan).

8. Lain-lain tanggungjawab pengimport: sebelum barangan dibawa masuk ke premis kilang berlesen bagi tujuan proses semula:

- 8.1 Pengimport hendaklah mengemukakan permohonan terlebih dahulu ke stesen yang mengawal kilang untuk kelulusan.
- 8.2 Pekilang dipertanggungjawabkan supaya barangan yang dibawa masuk semula adalah yang telah diluluskan dan diakaunkan dengan benar dan tepat.

8.3 Memastikan barangan yang sama setelah siap diproses semula di premis kilang hendaklah dieksport semula ke negara yang berkenaan. Stesen yang mengawal hendaklah dimaklumkan mengenai tindakan yang telah diambil ini.


8.4 Bagi barangan yang gagal dieksport semula atas sebab-sebab tertentu dan pekilang berhasrat untuk menjualnya ke pasaran tempatan, kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu dari pihak stesen yang mengawal. Manakala duti eksais atau cukai jualan yang terlibat (yang mana yang berkenaan) hendaklah dibayar.

10. Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini telah dapat menjelaskan kepada pihak tuan dan juga ahli-ahli mengenai peruntukan dan prosedur yang ada berhubung pengimportan semula barangan keluaran tempatan yang telah dieksport dan kemudiannya diimport semula.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya Yang Menuruti Perintah,


(DATO' HJ. ISMAIL B. HJ. IBRAHIM)
Pengarah
Bahagian Kastam
b.p. Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA.

s.k:- Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Operasi)